

Apakah tindakan yang boleh diambil jika terdapat pihak yang gagal mematuhi perintah nafkah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah?

11

Pihak satu lagi boleh memulakan tindakan dengan pemfailan tunggakan nafkah dan kemudian memfailkan apa-apa tindakan penguatkuasaan yang sesuai terhadap pihak yang gagal mematuhi perintah Mahkamah Syariah contohnya Saman Penghutang Penghakiman atau Sitaan dan Jualan atau lain-lain tindakan penguatkuasaan.

Apakah bentuk nafkah yang perlu disediakan oleh suami kepada isteri?

12

Pemberian nafkah kepada isteri yang diceraikan tertakluk kepada keadaan isteri yang diceraikan sama ada talak rajie atau bain atau penceraian sebelum persetubuhan.

i. Sekiranya seseorang isteri diceraikan oleh suaminya dengan talaq rajie maka menjadi tanggungjawab ke atas suami menyediakan nafkah dalam tempoh idah:

(a) Menyediakan makanan yang sepatutnya.  
(b) Menyediakan pakaian yang sepatutnya.  
(c) Menyediakan tempat tinggal untuk isteri yang diceraikan itu.  
(d) Menyediakan apa-apa yang patut kepada seorang isteri seperti kos perubatan dan sebagainya.

ii. Sekiranya ia diceraikan oleh suaminya dengan talaq bain, maka isteri tersebut hanya layak mendapat kemudahan tempat tinggal daripada suaminya selama ia di dalam tempoh idah. Tetapi sekiranya ketika diceraikan ia sedang hamil maka dia juga layak mendapat keempat-empat kemudahan seperti perempuan yang diceraikan dengan talaq rajie.

iii. Sekiranya isteri yang diceraikan belum lagi disetubuh i maka dia tidak layak mendapat apa-apa nafkah daripada suaminya.

Bilakah pemberian nafkah isteri yang diceraikan gugur?

13

Pemberian nafkah akan gugur dengan sendirinya apabila suami meninggal dunia ketika isterinya di dalam idah.

Siapakah yang tidak layak mendapat nafkah?

14

Isteri yang telah disabitkan nusyuz oleh Mahkamah tidak berhak mendapat nafkah daripada suaminya termasuk nafkah idah sekiranya diceraikan.

Apakah dokumen yang diperlukan?

15

- i. Kad Pengenalan;
- ii. Sijil perakuan nikah/ruju'/cerai;
- iii. Sijil kelahiran anak;
- iv. Sijil pengangkatan (jika berkaitan);
- v. Dokumen lain yang berkaitan (jika ada);
- vi. Penyata gaji atau bukti pendapatan;
- vii. Nama/alamat majikan suami/isteri;
- viii. Maklumat berkaitan saksi.

CATATAN:

RISALAH INI IALAH SUATU PENERANGAN RINGKAS UNTUK PENGETAHUAN ORANG RAMAI SAHAJA. IA BUKAN NASIHAT UNDANG-UNDANG YANG LENGKAP DAN TERPERINCI.



## NAFKAH BAGI ORANG YANG BERAGAMA ISLAM

" Kami sedia membantu "



[www.jbg.gov.my](http://www.jbg.gov.my)

[jabatanbantuanguaman](#)

Apakah yang dimaksudkan dengan nafkah?

01

Nafkah ialah mengeluarkan belanja atau sara hidup kepada mereka yang wajib ke atas seseorang sama ada isteri, anak dan orang-orang yang di bawah tangungannya. Ia termasuk keperluan tempat tinggal, makanan, pakaian, pendidikan dan perubatan.

Apakah sebab-sebab yang mewajibkan nafkah?

02

i.Perkahwinan;

ii.Keturunan; dan

iii.Kanak-kanak yang diterima sebagai ahli keluarga ( contoh: anak angkat )

Apakah jenis-jenis nafkah?

03

i.Nafkah isteri;

ii.Nafkah anak;

iii.Nafkah iddah.



Siapakah yang wajib menanggung nafkah anak?

04

Seorang bapa wajib menanggung nafkah anaknya. Jika bapa tiada, tanggungan akan berpindah mengikut susunan tertib wali.

Bilakah Mahkamah boleh mengeluarkan perintah nafkah bagi isteri dan anak?

05

Mahkamah boleh, pada bila-bila masa memerintahkan seseorang bapa untuk membayar nafkah anaknya:

- i.Jika dia telah enggan atau cuai mengadakan peruntukan nafkah dengan munasabah bagi anak dan/atau isterinya;
- ii.Jika dia telah meninggalkan langsung isterinya, dan anaknya itu adalah dalam penjagaan isterinya;
- iii.Dalam masa menanti keputusan sesuatu perbicaraan hal ehwal suami isteri di Mahkamah; atau
- iv.Apabila membuat atau selepas daripada membuat suatu perintah meletakkan anak itu dalam jagaan seseorang yang lain.

Apakah faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan dalam penentuan kadar nafkah?

06

- i.Pendapatan dan tanggungan pihak yang kena tuntut;
- ii.Keperluan isteri dan anak-anak;
- iii.Umur anak-anak.



Berapa lamakah tempoh perintah nafkah anak berkuat kuasa?

07

Pada umumnya, perintah nafkah anak berkuat kuasa sehingga usia anak 18 tahun atau sehingga dibenarkan oleh Mahkamah. Bagi anak perempuan, perintah nafkah tersebut berkuat kuasa selagi anak tersebut belum berkahwin.

Bagaimakah perintah nafkah boleh dilaksanakan?

08

i.Pembayaran terus; atau

ii.Potongan gaji / penahanan pendapatan.

Adakah sesuatu perintah nafkah boleh diubah atau dibatalkan?

09

Mahkamah boleh, pada bila-bila masa, mengubah atau membatalkan sesuatu perintah nafkah yang sedang berkuat kuasa atas permohonan mana-mana pihak sekiranya difikirkan patut untuk berbuat demikian.

Bilakah kegagalan menunaikan nafkah dikira sebagai hutang?

10

- i.Nafkah isteri dikira sebagai hutang apabila tidak dibayar bermula dari kewajipan untuk membayar nafkah tersebut.
- ii.Nafkah anak dikira hutang selepas adanya perintah Mahkamah.